



#### MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : NORLIZAWATI BINTI YAHYA

Jabatan /  
Bahagian : Pengurusan Pengetahuan

#### MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : Wajah Di Balik Cermin

Tempat  
terbitan : Bandar Baru Bangi, Selangor

Penerbit : Utusan Karya Sdn Bhd

Jumlah muka  
surat : 209

Tahun terbitan : 2012

Sasaran umur  
pembaca : Remaja/Umum

Komen fizikal : Tulisan kemas dan buku tak nipis

Positif :

Negatif :

Kelebihan :

Luahan rasa : Debaran, menggerunkan, seram, takut dan fenomena misteri alam ghaib

## Ulasan

: Kisah perkongsian pengalaman 22 orang penulis merasai perasan debaran, menggerunkan, seram, takut dan fenomena misteri alam ghaib. Seperti yang pernah dinyatakan dalam buku EHES dahulu, memang benar, hantu itu mainan syaitan dan jin untuk menyesatkan kita. Ia cuba menakutkan kita, supaya kita menjadi syirik, kerana kita sepatutnya hanya takut kepada Yang Maha Esa sahaja. Jadi, bagaimana untuk mengelakkan rasa takut? Pertama, tambah dan kukuhkanlah ilmu agama di dada dan kedua, banyakkkan membaca teori-teori fenomena hantu dan misteri dari sudut sains.

Tidak dinafikan, banyak kejadian seram, misalnya melihat jelmaan menakutkan dan diganggu oleh entiti-entiti misteri, tidak mampu dijawab oleh sains. Namun, itu bukan bermakna kita terus membekukan fikiran kepada pandangan-pandangan tradisional -hantu pocong, bunian, jembalang, penunggu dan sebagainya.

Itu hanya konsep sahaja yang direka oleh nenek moyang kita. Nama-nama jelmaan tadi diberikan mereka berdasarkan rupa, karakter dan tempat serta masa munculnya makhluk-makhluk berkenaan. Sedangkan hakikat yang sebenarnya cuma satu, iaitu semua makhluk tersebut adalah syaitan dan jin. Dalam konteks ini, adalah satu kisah menarik yang mungkin elok untuk kita kongsi bersama. Akhir kata kita tidak perlu takut kepada apa-apa lagi, kecuali Yang Maha Esa. Hantu hanyalah hiburan semata-mata.

## Gambar Buku :

